

**KONFLIK DALAM
*SULALAT AL-SALATIN***

Oleh

SULAIMAN BIN RAHMAT

**Tesis diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah sarjana Sastera
(Mod Campuran)**

MEI 2002

Penghargaan

Bersyukur kepada Allah s.w.t dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini. Walaupun saya terpaksa menghadapi pelbagai masalah telah mengganggu kelancaran penulisan tetapi semuanya tidak melemahkan semangat saya untuk menyiapkan kajian ini.

Saya ingin mnerakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Professor Dr. Muhammad Haji Salleh yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya bagi menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada para pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang bayak membantu saya sepanjang pengajian saya. Terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan kakitangan Perpustakaan Awam Alor Setar atas bantuan mereka.

Kajian ini didedikasikan khas buat isteri tercinta Che Raihan bt Fakurdin dan anak-anak tersayang Aizudin, Nadia, Suhaila, Muhamad Syafiq dan Nabila. Tanpa dorongan, semangat dan sokongan serta pengorbanan mereka agak sukar untuk saya menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada Pengetua dan semua guru Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Janggus yang telah memberikan kerjasama untuk menyiapkan kajian ini. Semoga kajian yang ringkas ini dapat memberikan sumbangan kepada bidang kesusasteraan tanah air.

Sulaiman Rahmat
380 Lorong Putih 4 Taman Rakyat Mergong
Alor Setar.

KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan	ii	
Abstrak	iv	
Abstract	vi	
Bab 1	Pengenalan	1
	1.1 Pernyataan Kajian	3
	1.2 Objektif Kajian	5
	1.3 Skop Kajian	9
	1.4 Kepentingan Kajian	12
	1.5 Tinjauan Kajian Terdahulu	13
	1.6 Teori dan Metodologi	20
	1.7 Organisasi Tesis	22
Bab 2	Teori Konflik Sosial	26
	2.1 Teori Konflik Sosial	27
	2.2 Definisi Konflik	35
	2.3 Kesesuaian Teori Konflik dengan Pertentangan dalam <i>Sulalat al-Salatin</i>	39
	2.3.1 Definisi Kelas Sosial	42
	2.3.2 Definisi Kumpulan Etnik	43
	2.3.3 Definisi "Gender"	44
Bab 3	Konflik Kelas dalam <i>Sulalat al-Salatin</i>	46
	3.1 Pertentangan antara Raja dengan Raja (Melayu dengan suku Melayu/bukan Melayu dengan bukan Melayu)	49
	3.2 Pertentangan antara Raja dengan Pembesar (Melayu dengan suku Melayu atau bukan Melayu dengan bukan Melau)	55
	3.2.1 Pertentangan bagi Mempertahankan Maruah Diri	56

3.2.2	Pertentangan bagi Mempertahankan Maruah dan Kedaulatan Negara	61
3.2.3	Pertentangan disebabkan oleh Malu	64
3.2.4	Pertentangan disebabkan Dendam	67
3.3	Pertentangan antara Pembesar dengan Pembesar	69
3.4	Pertentangan antara Raja/Pembesar dengan Rakyat	73
Bab 4	Konflik Kumpulan Etnik dalam <i>Sulalat al-Salatin</i>	76
4.1	Pertentangan antara Kerajaan Melayu atau Etnik Melayu dengan bukan Melayu dari Kawasan Nusantara	80
4.2	Pertentangan antara Kerajaan Melayu Melaka/Bentan dengan Portugis	86
4.3	Pertentangan antara Pesuruh Raja Melayu dengan bukan Melayu	91
4.4	Pertentangan antara Kerajaan-kerajaan Awal Pra-Sejarah Bangsa Melayu dan Pertentangan Kerajaan Bukan Melayu dengan bukan Melayu	94
Bab 5	Konflik “Gender” dalam <i>Sulalat Al-salatin</i>	98
5.1	Penentangan Terhadap Ego Lelaki	100
5.2	Penentangan untuk Menuntut Hak dan Kebebasan	103
5.3	Penentangan Menuntut Keadilan dan Mengembalikan Maruah Diri dan Maruah Keluarga	106
Bab 6	Rumusan	110
	Bibliografi	121

ABSTRAK

Sulalat al-Salatin atau *Sejarah Melayu* merupakan sebuah karya agung yang tergolong dalam jenis historiografi. *Sulalat al-Salatin* menjadi rujukan penting bagi Sarjana-sarjana yang berminat untuk mengkaji tentang latar belakang masyarakat dan budaya Melayu. Di dalamnya pengarang memasukkan pelbagai peristiwa yang telah berlaku sepanjang pemerintahan sultan-sultan Melaka. Satu unsur yang menjadi tumpuan kajian ini berkaitan dengan konflik yang berlaku dan dipaparkan dalam *Sulalat al-Salatin*. Konflik menghidupkan suasana penceritaan di dalamnya. Tujuan kajian ini untuk melihat jenis-jenis konflik yang berlaku di dalam *Sulalat al-Salatin* dengan mengaplikasikannya menggunakan teori konflik sosial dari bidang sosiologi. Konflik atau pertentangan yang terdapat dalam *Sulalat al-Salatin* dapat dikategorikan kepada pertentangan atau konflik kelas, konflik kumpulan etnik dan konflik “gender”. Dari unsur-unsur konflik ini kita dapat mengkaji hubungan antara Kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan dari kumpulan etnik lain baik di kawasan Nusantara atau dari benua lain, seperti India, China dan Eropah. Kita juga dapat mengkaji tentang kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu tradisional terutama pada zaman pemerintahan kerajaan Melaka. Satu lagi unsur yang paling penting adalah tujuan konflik-konflik ini dipaparkan oleh pengarangnya, iaitu dari segi pengajaran yang ingin disampaikan kepada khalayaknya.

CONFLICT IN THE *SULALAT AL-SALATIN*

ABSTRACT

Sulalat al-Salatin or “Malay Annals” is considered as one of the masterpiece of Malay historiography. It has been an important references book for who wish to carry out a research on the blackgrounds and cultures of Malay during the reign of Malaccan Sultanate. The Malay Annals consists of various event and happened during the reign of the Malaccan Sultanate. The main aim of this research is look into the various conflicts that took place during the reign of Malaccan Sultanate by applying the theory of conflict in sosiology. One of the element that is focus in this study is related to conflicts that happened and showed in the “Malay Annals”. Conflict is one of the element that put the story to life. The aim of this study is to observe the various type of conflicts which arose in the “Malay Annals” and applied it to the conflict theorists in sociology. This is because this conflicts are the main issues in the story, that gives life to it. These conflict can be categorised into class conflicts, ethnic conflicts and gender conflicts. The research will also look into the relationship between the Malay during Malaccan Sultanate and other ethinc groups from other countries like India, China and Europe. It will also look into the status of Malay women in the traditional Malay society especially during the reign of the Malaccan Sultanate. Another important issue that is focused is how the writer had used the issues in the conflicts to educate the society.

Bab 1

Pengenalan

Kewujudan dan perkembangan kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara telah mempengaruhi perkembangan sastera Melayu. Perkembangan kesusasteraan ini selari dengan perkembangan kerajaan Sriwijaya hingga kepada kewujudan dan perkembangan kerajaan Melayu Melaka. Hasil kesusasteraan tercipta pada zaman awal ini, samada dalam bentuk lisan atau tulisan, telah dipengaruhi oleh agama Hindu. Apabila peradaban India dibawa masuk ke Alam Melayu kira-kira dalam abad pertama, maka masyarakat kita turut terlibat sama. Pengaruh Hindu dari peradaban tersebut mula meresapi kehidupan masyarakat Melayu. Salah satu cabang kehidupan kita yang agak kuat mendapat pengaruhnya ialah kesenian. Dalam kesenian itu, kesusasteraan merupakan kegiatan seni yang paling awal dan besar menerima pengaruhnya.

Sastera pada zaman ini amat terbatas, hanya milik golongan bangsawan atau istana dan golongan pendeta agama serta bersifat skaral, berkaitan dengan sastera bercorak agama Hindu, tertulis dalam tulisan Palava. Pada masa yang sama wujud juga sastera bentuk lisan yang juga dipengaruhi agama Hindu. Menurut Siti Hawa Haji Salleh (1997:2), harus diakui iaitu pada zaman sebelum Islam, penulisan terbatas kepada peraturan-peraturan keagamaan, undang-undang, peristiwa-peristiwa penting dan pantang larang yang mempunyai kesignifikan sosial. Kedatangan Islam pada abad ke-14 telah mengubah kepercayaan dan cara hidup masyarakat Melayu, daripada pegangan kepada agama Hindu berubah kepada agama Islam. Perkembangan Islam telah mempengaruhi kegiatan kesusasteraan, apabila para ulama memperkenalkan

tulisan Jawi kepada masyarakat, seperti yang ditegaskan oleh Siti Hawa Haji Salleh (1997:1), dalam masyarakat Melayu tradisional, aktiviti penulisan mempunyai hubungan dengan kedatangan Islam kerana Islamlah yang memperkenalkan tulisan Jawi kepada masyarakat Nusantara. Guru-guru agama menggalakkan masyarakatnya belajar membaca, menulis dan mambaca adalah kunci ilmu pengetahuan seperti dalam surah *Al' Alaq*, wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhamad s.a.w. maknanya seperti berikut (*Surah Al'Alaq*: ayat 1-5),

Bacalah dengan(menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan
Dia telah Menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan
Tuhanmu lah Yang Paling Pemurah. Yang mengajar(manusia) dengan
perantaraan kalam. Dia yang mengajarkan kepada manusia apa yang
tidak diketahuinya.

Agama Islam telah memberi nafas baru kepada perkembangan kegiatan penulisan. Islam telah membuka minda dan telah menimbulkan kesedaran diri pengarang Melayu tentang sastera. Dari kesedaran ini terhasillah karya dalam pelbagai genre. Bermula dari kegiatan terjemahan karya-karya dari Arab dan Parsi sehingga melahirkan sastera bercorak ketatanegaraan. Menurut Siti Hawa Haji Salleh (1997: 11), tulisan Jawi lebih merupakan tulisan untuk seluruh masyarakat yang beragama Islam. Sementara para ulama menggunakannya untuk penulisan kitab-kitab agama, muncul pula di kalangan masyarakat am orang-orang tertentu yang menggunakan tulisan Jawi itu untuk penulisan hasil-hasil kesusasteraan yang sebelumnya hanya wujud dan disebarkan secara lisan. *Sulalat al-Salatin* atau *Sejarah Melayu* membawa unsur ketatanegaran, tergolong dalam karya sejarah, karya ini bercorak historiografi. *Sulalat al-Salatin* menjadi rujukan kepada pengkaji yang berminat mengetahui tentang keadaan sosiobudaya masyarakat Melayu tradisional.

1.1 Pernyataan Kajian.

Kesusasteraan bergerak seiring dengan pemerintahan sesebuah kerajaan. Sastera tradisional merangkumi pelbagai bentuk. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000:42), sastera zaman tradisional itu amat luas dan pelbagai cabangnya, mencakupi daerah daripada ilmu pengasih hinggalah kepada tauhid, fikah dan faraid. Latar belakang dan perkembangan sastera tidak terlepas dari faktor situasi sosial dan politik, bermula dari zaman wujudnya negara kota, perkembangan sehingga kepada kejatuhan sesebuah kerajaan. Sepanjang tempoh tersebut terjadilah peristiwa penting dalam struktur pemerintahan negara, sosial, politik mahupun kebudayaan termasuk kesusasteraan. Kesusasteraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang amat erat dengan masyarakat di mana penulisnya hadir, malah penulisnya ikut terlibat dengan pergolakan-pergolakan yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Karya sastera membicarakan apa yang berlaku dan apa terlihat pada sesuatu masyarakat sambil mengemukakan sikap dan pandangan pengarangnya (S. Jaafar Husin, 1989:1).

Sulalat al-Salatin/Sejarah Melayu sebagai adikarya telah merakam pelbagai peristiwa penting yang berlaku dalam Kerajaan Melayu Melaka. Sebagai perakam, Tun Seri Lanang juga telah turut sama terlibat dalam pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka di Johor selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511. Menurut Noriah Taslim (1997:57), selepas hampir 400 tahun (dari kurun ke-17 ke kurun 20) berlalu daripada tarikh *Sejarah Melayu* ditulis, teks ini masih menjadi rujukan untuk menuntut kewibawaan dan kebenaran. Bersesuaian dengan sifatnya sebagai wadah bangsa, dan sebagai bahan rujukan kepada Alam Melayu. *Sulalat al-Salatin* boleh dilihat sebagai

sebuah karya yang telah mencatatkan pelbagai peristiwa sebagaimana menurut Muhammad Haji Salleh (2000:47),

Dalam sastera Melayu, *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)* ialah wadah luar biasa dengan pelbagai gagasan, dan oleh itu, karya (yang dikarang oleh pengarangnya) bertindak dari segi sosial dan etika dalam pelbagai cara - mencadangkan pembaikan, pentadbiran, mengkritik kerakusan dan nafsu raja yang tidak terkawal, memuji bendahara yang baik dan jujur, atau memperlihatkan keadilan dan kezaliman dan balasan untuk individu yang berfikir dan menulis itu juga bertindak, untuk dirinya, dan bagi pihak masyarakatnya

Melihat betapa penting dan uniknya *Sulalat al-Salatin* ini, saya terpenggil untuk menjalankan suatu kajian berkaitan satu unsur yang terdapat dalam teks ini. Kajian ini sedaya mungkin akan ditumpukan kepada aspek pertentangan. Fokus utama kajian bukanlah berpusat kepada pertentangan semata-mata tetapi juga kepada pengajaran di sebalik pertentangan tersebut, mengapakah ianya dimasukkan oleh pengarang, kepentingan dan kesannya kepada masyarakat pembaca? Unsur pertentangan ini berlaku dalam semua tradisi, ianya telah wujud sejak dari kewujudan manusia. Berbeza daripada pengarang-pengarang dari tradisi lain seperti Parsi dan Yunani, pengarang Melayu tidak menunjukkan penentangan kepada tata kelakuan raja secara berterang-terangan.

Pengarang Melayu sedar akan tugasnya sebagai penyampai dan pendidik kepada masyarakat, di samping memelihara hubungan baik dengan golongan istana. Pengarang Melayu menyatakan ketidaksetujuan dan bangkangan terhadap raja melalui cara yang tersirat. Jika seorang perajurit menyatakan bangkangan kepada raja dengan cara terang-terangan, melawan raja seperti yang dilakukan oleh Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*, bagi seorang penulis pula, cara untuk menyatakan bangkangan terhadap

pemerintahan raja dengan menggunakan bahasa yang halus berkias dan berlapik seperti dilakukan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sulalat al-Salatin*. Melalui permainan bahasa ini pengarang mengharapkan ianya dapat membentuk peribadi raja dan masyarakat dengan lebih baik dan sempurna.

1.2 Objektif Kajian

Sulalat al-Salatin bermakna keturunan keluarga termasuk asal usul dan susur galur sultan-sultan (Muhamad Yusuf Hashim, 1988:322-33). *Sulalat al-Salatin* menceritakan tentang jurai keturunan raja Melaka, bermula dari awal sehingga kesinambungannya kerajaannya di Bentan, kemudian beralih pula ke Kampar. Ia juga adalah dokumen politik yang mengasaskan dan memaktubkan perjanjian suci raja-rakyat yang memutlakkan kedudukan raja dalam politik feudal dan mengkonkritkan ideologi monarki, di samping mengkanunkan secara tidak langsung tata-cara dan etika pemerintah dan rakyat yang perlu dianuti oleh setiap individu sekiranya tidak mahu bala menimpa negeri (Noriah Taslim, 1997:54). *Sulalat al-Salatin* juga telah merakam pelbagai peristiwa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, memaparkan pelbagai aksi dan maklumat. Dari segi maklumat dan perspektif terhadap peristiwa dan manusia Melayu. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000:47), aksi boleh berupa tindakan jasmaniah, pemberontakan, perebutan kuasa atau serahan kuasa untuk memajukan bangsa.

Sehingga ke hari ini, *Sulalat al-Salatin*, karya Tun Seri Lanang ini menjadi bahan asas rujukan bagi para pengkaji, yang berminat untuk mengkaji keadaan sosial dan budaya Melayu. Walau pun telah banyak sarjana dari dalam dan luar negara

melakukan kajian ke atasnya, atas sifatnya sebagai adikarya, karya ini masih memberikan ruang untuk penulis melakukan kajian baru. *Sulalat al-Salatin* telah merakamkan pelbagai peristiwa, antaranya dikaitkan dengan unsur-unsur mitos dan lagenda. Kajian ini hanya ditumpukan kepada unsur konflik sosial dan pengajaran yang dibawanya dari peristiwa yang dipaparkan. Konflik atau pertentangan yang dipaparkan adalah satu cara atau strategi naratif pengarang dalam menyampaikan pengajarannya kepada khalayak. Di samping itu, kajian ini juga akan melihat kepada sebab dan akibat daripada pertentangan yang terdapat di dalam teks ini.

Unsur pertentangan ini akan dilihat pada semua peristiwa yang melibatkan samada pertentangan bersenjata, pendapat atau perbuatan, dari yang sekecil-kecilnya membawa kepada pertentangan yang besar, kerana pertentangan yang kecil inilah yang akan membawa kepada pertentangan yang lebih besar dan meninggalkan kesan yang amat mendalam dalam sejarah pemerintahan kerajaan Melayu Melaka. Aspek pertentangan yang dikaji melibatkan pertentangan raja sama raja atau kerajaan dengan kerajaan, pembesar dengan raja, pembesar dengan pembesar, rakyat dengan pembesar atau raja, penentangan wanita terhadap raja. Semua pertentangan ini kategorikan dalam tiga topik utama. Pertama pertentangan kelas dalam menegakkan maruah diri negara, bangsa dan agama. Kedua pertentangan kumpulan etnik bagi menegakan maruah negara, dan ketiga pertentangan gender.

Ojektif ini dipilih kerana melalui penelitan yang telah dilakukan, didapati puluhan unsur konflik yang telah dipaparkan. Secara keseluruhannya terdapat 81

konflik bermula daripada Bab I sehingga kepada Bab XXXI. Unsur-unsur konflik yang dipaparkan oleh pengarang, dapat dilihat dalam jadual berikut;

Jadual 1.1 Konflik/pertentangan dalam setiap bab dalam *Sulalat al-Salatin*

Bab	Jumlah konflik/pertentangan
Bab I	1
Bab II	3
Bab III	-
Bab IV	2
Bab V	2
Bab VI	8
Bab VII	3
Bab VIII	5
Bab IX	6
Bab X	-
Bab XI	2
Bab XII	3
Bab XIII	3
Bab XIV	5
Bab XV	9
Bab XVI	1
Bab XVII	1
Bab XVIII	1
Bab XIX	3
Bab XX	1
Bab XXI	2
Bab XXII	4
Bab XXIII	4
Bab XXIV	1
Bab XXV	6
Bab XXVI	-
Bab XXVII	-
Bab XXVIII	1
Bab XXIX	-
Bab XXX	2
Bab XXXI	2

Pertentangan atau konflik yang berlaku dalam *Sulalat al-Salatin* agak menyeluruh, berlaku dalam setiap bab kecuali dalam bab III, X, XXVI, XXVII, dan

XXIX. Saya merasakan pengarang mempunyai satu mesej tertentu yang ingin disampaikan kepada khalayak melalui pemaparan peristiwa pertentangan ini, bersesuaian dengan kesedaran pengarang dan fungsi karya sastera itu sendiri. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000:43), sastera Melayu serta pengarangnya cukup sedar akan tugas serta tujuan karya yang mereka karangkan, dan tuntutan daripada masyarakat pembaca/pendengar. Kesedaran ini sering dibayangkan dalam teks dan bentuk. Setiap konflik sosial yang berlaku dalam sosiobudaya masyarakat Melayu tentunya mempunyai pengajaran yang tersirat di sebalik peristiwa yang berlaku. Aspek inilah yang menjadi tumpuan utama dalam kajian ini.

Kajian ini akan melihat kepada aspek yang mempunyai signifikan dengan unsur konflik yang dipaparkan. Dengan ini kita dapat mendalami apa yang tersirat dalam pemikiran pengarang untuk dijadikan pengajaran dan panduan kepada khalayak dalam menjalani kehidupan. Penelitian ini semestinya berkait rapat dengan watak perlaku, aksi watak dan latar serta plot di mana pertentangan itu berlaku. Kerana pertentangan tidak akan berlaku tanpa kehadiran watak dan situasi yang mengizinkan dan memerlukannya berlaku.

1.3 Skop Kajian

Sastera Melayu tradisional atau klasik mempunyai skop yang sangat luas, seluas Alam Melayu. Hasil kesusasteraan yang tercipta meliputi bentuk lisan dan tulisan. Bermula dari abad ke 15 hingga abad ke 19 telah terhasil banyak karya dan boleh digolongkan kepada pelbagai genre dan salah satu daripadanya ialah sastera sejarah. Ismail Hussein (1966) dalam *JMBRAS* vol. 39 dalam karyanya bertajuk “The Study of Malay Literature” menyatakan dalam tempoh empat abad telah terhasil berbagai-bagai naskhah sehingga mencapai jumlah 5000 naskhah, meliputi hampir 800 topik. Keluasan skop sastera Melayu tradisional memberikan ruang yang banyak kepada para pengkaji melakukan kajian mereka.

Sulalat al-Salatin/Sejarah Melayu tergolong dalam karya sastera bercorak sejarah dan terdapat banyak versi. Menurut Mohd Kalid Taib (1994:104), kebanyakan karya sastera wujud dalam manuskrip lama yang masih belum diedit untuk pembacaan umum. Seseengah daripadanya, misalnya *Sejarah Melayu*, yang sangat popular, wujud dalam bentuk 29 naskhah. Antara naskhahnya yang sudah diedit pula terdapat enam versi yang berlainan. Manakala menurut Noriah Taslim (1998:69) karya ini wujud dalam lebih kurang 34 naskhah, namun tersebar melalui empat versi bercetak, yakni edisi Abdullah (Jawi) dalam tahun 1831 (diterbitkan semula oleh Teeuw dan Situmorang dalam tahun 1952), edisi Winstedt (Raffles 18) dalam tahun 1938, edisi S. Samad Ahmad dalam tahun 1979 dan edisi Shellabear dalam tahun 1961. Selain daripada empat versi tersebut terdapat dua lagi versi Raffles 18 yang telah ditranskripsi. Pertamanya bertajuk *Sulalat al-Salatin* yakni *Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah*

Melayu) diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (1997) dan *Sejarah Melayu* (The Malay Annals) yang telah ditransliterasi oleh Abdul Rahman Haji Ismail (1998).

Walaupun terdapat 6 transkripsi *Sejarah Melayu*, ianya tidak menimbulkan kesulitan kepada penulis kerana kajian yang akan dilakukan ini bukanlah bercorak perbandingan teks. Dalam perbincangan ini, saya hanya memilih satu versi sahaja untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Edisi yang dipilih adalah *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja* yang dialihaksara oleh Muhammad Haji Salleh (1997). Edisi ini dipilih kerana ianya lebih akrab dengan saya dan ianya adalah satu versi yang terbaharu yang telah ditranskripsi daripada Raffles 18. Terdapat beberapa perbezaan dari segi bab, watak dan masa berlakunya sesuatu peristiwa berbanding dengan versi-versi lain seperti edisi Shellabear dan versi A Samad Ahmad. Perbezaan juga terdapat pada mukadimahnyanya, yang menunjukkan ianya adalah naskhah yang terawal, bukan salinan daripada naskhah yang didatangkan dari Goa. Sebagaimana menurut Muhammad Haji Salleh (1997:xiii);

Dalam mukadimah yang lebih pendek ini nama bendahara tidak diturunkan, begitu juga keturunannya, seperti yang terdapat dalam versi gugusan Batu Sawar, tetapi pengarang telah menurunkan tarikh beliau diperintahkan mengarang hikayatnya, iaitu pada 12 hari bulan Rabiulawal Tahun Hijrah 1021 bersamaan tahun 1612 Masihi. Tiada juga disebut telah tiba di Johor sebuah naskah dari Gowa, dan oleh itu naskah ini bukanlah yang datang dari Gowa atau naskah dari tempat lainnya.

Berdasarkan edisi ini adalah yang terbaharu dan terdapat perbezaan dengan edisi yang lain telah menarik minat saya memilih edisi ini untuk dijadikan bahan untuk kajian dalam perbincangan seterusnya.

Skop kajian ini hanya akan tertumpu kepada unsur pertentangan dan pengajaran tersirat sebaliknya. Unsur pertentangan atau konflik ini dilihat sebagai satu strategi naratif bagi pengarang dalam menyampaikan pengajarannya. Unsur pertentangan atau konflik ini dirasakan ada kepentingannya, dari segi yang tersurat tanpa unsur pertentangan, teks *Sulalat al-Salatin* akan menjadi hambar. Tanpanya juga pengarang tidak akan dapat menceritakan tentang keagungan kerajaan Melayu Melaka dan tidak dapat mengangkat martabat atau konsep daulat raja-raja Melaka. Menurut Lufti Abas (1995:104), dalam setiap karya seni, pertentangan adalah salah satu cara untuk mendapatkan kepelbagaian yang paling sederhana tetapi sangat menyolok untuk memenuhi syarat keindahan karya seni. Apakah pengarang memasukkan unsur konflik sekadar untuk mengindahkan cerita atau untuk menyampaikan sesuatu makna yang tersirat di sebalik konflik yang berlaku.

Kepentingan unsur pertentangan atau konflik sosial ini dapat dilihat dalam semua karya bercorak historiografi. Dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai contohnya, terdapat unsur-unsur penentangan yang dimasukkan oleh pengarang-pengarang teks tersebut. Mengapakah pengarang-pengarang teks historiografi ini, walaupun berasal daripada daerah yang berlainan, memasukkan unsur konflik ini dalam karangan mereka? Mengapakah konflik tetap juga berlaku, walaupun kita sedia maklum bahawa masyarakat Melayu adalah masyarakat yang baik dan menurut perintah serta pantang menderhaka. Menurut Muhammad Haji Salleh (1999:10), banyak sekali bukti yang menyatakan bahawa dalam sejarahnya orang-orang Melayu sering tunduk kepada kehendak penghulu atau rajanya, tetapi juga tidak kurang pula yang melawan, kerana mencari keadilan atau menjaga harga diri.

Cukup banyak peristiwa melawan yang tercatat dalam karya-karya Melayu, Inggeris, Belanda dan Portugis sendiri, seperti banyak juga peristiwa dalam *Sejarah Melayu* yang melukiskan perbuatan kuasa serta perlawanan antara para raja, para bangsawan dan juga para hulubalang.

Dalam setiap tradisi, setiap pengarang teks historiografi memasukkan unsur pertentangan ini, dengan satu tujuan tertentu, unsur ini yang akan diberikan perhatian dalam kajian ini. Teks yang banyak memaparkan unsur-unsur pertentangan biasanya akan membawa unsur moral yang tinggi kepada pembaca atau khalayak seperti yang terdapat dalam *Sulalat al-Salatin*. Unsur-unsur inilah yang akan menjadi skop kajian dalam kajian ini selanjutnya.

1.4 Kepentingan Kajian.

Bagi penulis kajian ini perlu dijalankan memandangkan sehingga kini masih belum ada kajian yang menyeluruh dan bersistematik dijalankan terhadap konflik dan pengajaran di sebalik pertentangan di dalam *Sejarah Melayu*, walaupun unsur ini banyak dimasukkan oleh pengarangnya. Melalui kajian ini juga kita dapat mengkaji cara atau strategi pengarang menyampaikan pengajaran melalui kaedah naratif. Sebelumnya ada kajian yang dijalankan kepada unsur kekerasan yang dijalankan oleh pemerintah Melaka. Tetapi unsur kekerasan yang ditumpukan dalam kajian tersebut ditumpukan kepada peristiwa pembunuhan Tun Mutahir dan keluarganya (Abdul Rahman Haji Ismail, 1993:37). Kajian ini menjadi panduan kepada penulis dalam menjalankan kerja yang lebih menyeluruh kelak.

Lebih khusus lagi kajian ini akan melihat kepada makna tersirat di sebalik motif pertentangan, dari yang sekecilnya hingga kepada pertentangan yang sebesar-besarnya. Hanya dengan batuan dari ilmu falsafah, boleh membantu manusia menemui kebenaran di sebalik konflik yang berlaku. Kajian ini akan menggunakan disiplin bantu dari bidang sosiologi. Satu disiplin bantu yang sering diaplikasikan kepada karya-karya moden kini dicuba pada karya tradisional pula. Sastera, sosiologi dan sains politik amat mempengaruhi antara satu sama lain dalam mengkaji budaya sesebuah masyarakat. Menurut Umar Junus (1986:3), karya sastera dilihat sebagai dokumen sosiobudaya, yang mencatat kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada satu masa tertentu. Justeru itu kajian sederhana ini dengan mengaplikasikan ilmu dari disiplin sosiologi dengan menggunakan teori konflik ke atas karya tradisional bercorak historiografi. Semoga kajian ini dapat menjadi bahan rujukan yang lebih bermanfaat kepada mereka yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap karya agung ini.

1.5 Tinjauan Kajian Terdahulu

Sebagai sebuah karya agung warisan bangsa, *Sejarah Melayu* seringkali menjadi bahan kajian para sarjana baik dari dalam atau luar negara. Mereka banyak membincangkan tentang *Sejarah Melayu* baik dalam jurnal atau majalah. Malah tidak kurang yang menjadikannya sebagai tesis dalam pengajian mereka. Sementelah umurnya sudah menjangkau lebih 400 tahun tidak hairanlah ianya menjadi bahan kajian penting kepada para pengkaji yang ingin mengetahui tentang masyarakat Melayu. Antara sarjana dari dalam dan luar negara telah membuat kajian berkaitan dengan karya agung ini dalam pelbagai tajuk ialah Wilkinson (1935), Winstedt (1940), De Jong

(1964), Mohd Taib Osman (1983), Umar Junus (1984), Roolvink (1984) Muhammad Haji Salleh (1987), Haron Daud (1989), Siti Hawa Haji Salleh (1992), Abdul Rahman Haji Ismail (1993), Syarifah Zaleha Syed Hassan (1998) Ruzi Suliza Hashim(1996), Noriah Taslim (1998) dan M Rajantheran (1999).

Wilkinson (1935) dalam *JMBRAS* vol. XIII dalam karya bertajuk “The Fall of Malacca” telah membicarakan kedatangan Portugis pada 1509 yang telah menimbulkan konflik antara Melaka dengan Portugis. Seterusnya pada tahun 1511 angkatan Portugis di bawah pimpinan Alfonso d’Albuquerque dari Goa telah datang untuk membebaskan orang Portugis yang ditawan pada pendaratan pertama dahulu seterusnya telah berjaya menawan Melaka. Melaka jatuh ke tangan Portugis dengan begitu mudah. Menurut sumber Portugis jumlah penduduk pada serangan tersebut ialah 100 000 orang dan terdapat 30, 000 orang askar. Kenyataan ini lebih bercorak propaganda untuk mengangkat orang Portugis. Berbeza daripada apa yang dinyatakan dalam *Sejarah Melayu*, orang Melayu tidak tahu menggunakan senjata seperti meriam dan senapang, mereka menggunakan senjata seperti sumpitan. Salah satu sebab kejatuhannya ialah dari segi pertahanan Melaka yang tidak kuat yang terdiri daripada pengawal istana, pembesar dan pengikutnya sahaja. Serangan mengejut terhadap Melaka oleh Portugis tidak sempat bagi Melaka yang bergantung kepada angkatan lautnya untuk bersedia.

Menurut Winstedt (1940) *Sejarah Melayu* dan cerita-cerita rakyat Sumatera telah mengaitkan lagenda Iskandar Zulkarnain dengan keturunan Bukit Si-guntang Mahameru, mempunyai persamaan seperti yang ditulis oleh dalam E. Bevan dalam “The Cambridge History of India”. Seterusnya terdapat persamaan dengan Legenda

Melayu, yang menceritakan keturunan Iskandar telah berkahwin dengan anak Demang Lebar Daun. Menantunya adalah keturunan Raja Suran dan Raja Chulan. Perkataan Chula sering terdapat dalam cerita-cerita rakyat Melayu kerana terdapat serangan Chula dalam abad ke XI. Dalam Hikayat Raja Pasai, negeri ini telah dibuka oleh Merah Silu, dalam bahasa Pali disebut *Mahachuli*, *Chulika* dan *Chula* manakala dalam bahasa Sinhalese dikenali sebagai *Mahasilu*.

Bagi De Jong (1964) dalam tulisannya, “The Character of The Malay Annals” membincangkan tujuan penyusunan *Sejarah Melayu*. Baginya penyusunan *Sejarah Melayu* telah menggunakan unsur dongeng dan legenda dan ianya tidak terbatas kepada bahan-bahan tempatan sahaja malahan diambil dari tempat lain untuk membina sejarah Singapura dan Melaka, seperti peristiwa todak menyerang Singapura. Ciri-ciri penulisan *Sejarah Melayu* adalah serupa dengan karya-karya lain, pertamanya merupakan catatan peristiwa-peristiwa penting yang berkaitan dengan peribadi atau bersifat politik. Keduanya bagi menyimpan salasilah keluarga atau dinasti: biasanya golongan raja dan bangsawan. *Sejarah Melayu* mencatatkan tentang kegemilangan kehidupan golongan bangsawan dan keabsahan sultan-sultan Melaka. Satu tujuan asas penulisan *Sejarah Melayu* adalah untuk mempertahankan keagungan dinasti sultan Melaka, bendahara dan kerajaan. Di samping mengariskan satu etika politik yang berasaskan mitos.

Taib Osman (1983) dalam tulisannya bertajuk “Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut *Sejarah Melayu*” membicarakan sejauh mana teks ini dapat memperlihatkan persambungan dan perubahan kebudayaan Melayu. *Sejarah Melayu* tidak banyak memperlihatkan sejarah kebudayaan Melaka sendiri, tetapi sebagai sebuah karangan

ianya merupakan satu dokumentasi yang menerangkan “*world-view*” dan “*ethos*” yang menjadi sandaran “*polity*” Melayu daripada kejatuhan Sriwijaya hinggalah kepada abad kesembilan belas apabila “*polity*” itu mula retak dan mengalami perubahan di tangan kuasa penjajah.

Umar Junus (1984) turut membicarakan mengenai *Sejarah Melayu* dalam bukunya *Sejarah Melayu: Menemukan Diri Kembali*. Dalam perbincangannya, Umar meletakkan *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya sastera atau fiksiyen bukan sebagai karya sejarah. Kesahihan dan keaslian karya ini tidak dipersoalkan tetapi melihat bagaimana hubungan satu teks dengan satu teks yang lain. Sebagai sebuah karya fiksiyen, karya ini boleh memberikan berbagai-bagai kemungkinan interpretasi berdasar perspektif yang lebih luas. Dalam interperitasinya pengarang menggunakan tiga pendekatan yang berbeza tetapi saling berhubungan antara satu dengan lain iaitu estetika penerimaan, intertekstualiti dan semiotik.

Roolvink (1984) pula membincangkan beberapa persoalan teks yang dihadapi dalam penyelidikan berkaitan dengan *Sejarah Melayu*. Baginya terdapat dua masalah utama yang memerlukan penyelesaian, pertama, tentang tahun teks ini dikarang. Kedua, perhubungan antara versi-versi yang berlainan. Terdapat perbezaan yang amat ketara antara satu versi dengan versi yang lain; contohnya pada edisi Shellabear dengan edisi Abdullah atau versi yang diusahakan oleh Winstedt. Oleh itu memerlukan satu kajian yang lebih teliti mengenai hubungan antara versi-versi yang berlainan ini.

Muhammad Haji Salleh (1987) dalam esei bertajuk 'Akalbudi Mukadimah: Pengarang Melayu pada Titik Awal Penulisan' telah membincangkan mukadimah pengarang Melayu dengan merujuk khusus kepada *Sejarah Melayu*. Dalam esei tersebut, sebagaimana tujuan yang dinyatakan oleh Muhammad sendiri untuk cuba melukiskan akal fikiran seorang pengarang Melayu, imej dirinya dan konsep karyanya berdasarkan kepada baris-baris luar biasa ini. Muhammad mengajak pembaca kembali ke zaman silam, sezaman dengan situasi pengarang, nilai-nilai diri serta masyarakat dalam melakukan penilaian. Perbincangan dibuat mengikut urutan berikut: makna dan fungsi pujian, definisi diri pengarang, penaung dan pengarang, karya dan tradisinya, metodologi dan pendirian pengarang, dan akhir sekali berkaitan dengan tugas karya itu sendiri. Satu lagi hasil tangan Muhammad Haji Salleh (1992), *Sajak- Sajak Sejarah Melayu*. Ianya adalah satu kumpulan puisi hasil daripada pencarian akar dan tradisi. Muhammad telah mencantumkan yang baru dengan yang lama dengan itu membenarkan karya-karyanya melampaui waktu dan makna bangsa. Puisi-puisi hasil ciptaan beliau ini berkaitan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam *Sejarah Melayu* bermula dari mukadimah sehingga kepada ceritera yang ketiga puluh empat dengan pelbagai tema dari cinta Kasturi hingga kepada kejatuhan Melaka.

Seorang lagi sarjana yang membuat kajian berkaitan *Sejarah Melayu* ialah Haron Daud (1987), bertajuk *Sejarah Melayu: Satu Kajian dari Aspek Persejarahan Budaya*. Beliau telah membincangkan aspek persejarahan budaya, khususnya kebudayaan masyarakat Melayu tradisional, sebagaimana yang terdapat dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka. Persoalan dan perbincangan mengenai aspek budaya antaranya aspek sosial, politik, adat istiadat dan ekonomi orang-orang Melayu pada

zaman tersebut. Aspek-aspek ini dibandingkan pula dengan apa yang tergambar dalam karya-karya sejenis untuk mendapat keterangan yang setepat mungkin.

Siti Hawa Haji Salleh (1998) dalam tulisannya, “*Sejarah Melayu: Bukti Keutuhan Kepengarangan Tun Seri Lanang*”. Tulisan ini membicarakan tentang kasahihan pengarang asal *Sejarah Melayu*, Tun Seri Lanang dan menafikan pendapat sarjana Barat seperti Winstedt yang mengatakan Tun Seri Lanang cuma penyalinnya sahaja. Siti Hawa Haji Salleh telah mengemukakan buktinya dengan merujuk kepada nukilan Syeikh Nuruddin al-Raniri. Selain merujuk kepada nukilan Syeikh Nuruddin, Siti Hawa juga telah merujuk kepada kenyataan A Samad Ahmad (1979), yang mengatakan terdapat kesilapan pembacaan perkataan-perkataan tertentu dalam tulisan jawi para sarjana Barat sehingga tidak menerima Tun Seri Lanang sebagai pengarangnya. Buktinya diperkuatkan lagi dengan tulisn Zaaba yang dapat mengesahkan *Sejarah Melayu* adalah tulisan Tun Seri Lanang.

Manakala Abdul Rahman Haji Ismail (1993), telah membincangkan tentang kekerasan-kerasan yang berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kekerasan yang dilakukan oleh raja terhadap rakyatnya dengan merujuk kepada peristiwa pembunuhan Bendahara Seri Maharaja sebagai fokus utamanya. Kekerasan yang berlaku dalam *Sejarah Melayu* telah menjangkau sempadan negerinya. Seorang lagi penulis yang membicarakan tentang peranan wanita dan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu tradisional ialah Ruzy Suliza Hashim (1996) dari University of Otago, Dunedin, New Zeland. Penulisannya bertajuk ‘The Question of Succession: The Role of Women in Traditional Malay Court Politics’, dengan merujuk kepada *Sejarah*

Melayu dan Tuhfat al-Nafis. Penulis membicarakan peranan wanita di sebalik peranan kaum lelaki dalam arena politik Melayu tradisional. Wanita tidak mengambil bahagian secara langsung dalam pentadbiran dan wanita tidak boleh menggantikan raja bila berlakunya kematian, tetapi apabila berlaku pertelingkahan untuk merebut takhta maka wanita, yakni permaisuri, mempunyai kuasa dalam memilih raja mengikut kehendak mereka. Wanita mempunyai kuasa merobah dan menentukan corak pemerintahan seterusnya.

Bagi Noriah Taslim (1998), *Sejarah Melayu* ditulis dengan tujuan untuk menebus maruah bangsa. *Sejarah Melayu* telah ditulis pada zaman kerajaan Melaka/Johor untuk mengembalikan daulat raja selepas kekalahan di tangan Portugis. *Sejarah Melayu* bukan hanya ditulis untuk memenuhi fungsi psikologikal tetapi lebih jauh dari itu, ia adalah untuk strategi untuk ketahanan sosial disaat kegentingan. Dengan ini jelas fungsi utama penulisan *Sejarah Melayu* adalah untuk mengangkat maruah bangsa dan menanamkan semangat nasionalisme dan mengangkat semula martabat raja Melaka.

Seorang lagi penulis yang turut membincangkan tentang kedudukan wanita dalam *Sejarah Melayu* ialah Sharifah Zaleha Syed Hassan (1998), dalam tulisannya bertajuk "Identiti dan Citra Wanita Berasaskan *Sejarah Melayu*". Kajiannya ini ditumpukan kepada watak-watak wanita seperti Tun Fatimah, Tun Teja dan Puteri Gunung Ledang, dari segi peranan dan ketokohan mereka. Tujuan khususnya ialah untuk memahami isu 'gender' dalam pemikiran Melayu, yakni bagaimana orang-orang Melayu tradisional menentukan kewanitaan (*femininity*) dan kelelakian (*masculinity*)

seseorang. Kajian ini merumuskan bahawa kedudukan wanita bergantung kepada faktor umur, status sosial dan kuasa. Wanita mampu menerima kuasa tetapi jika terlalu banyak kuasa yang diberikan dipercayai akan merbahaya dan mengancam kewibawaan lelaki. Kajian ini secara tidak langsung telah dapat mengangkat martabat wanita.

M. Rajantheran (1999), pula telah menjalankan kajian berkaitan dengan hubungan budaya Melayu dengan budaya India dalam tulisanya, *Sejarah Melayu : Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu India*. Kajian ini melihat kepada hubungan perdagangan yang telah berjalan antara India dengan Alam Melayu, disusuli pula dengan perkembangan agama Hindu-Buddha ke Asia Tenggara. Perhubungan ini seterusnya telah merintis jalan bagi penyebaran beberapa unsur peradaban India di Alam Melayu. Unsur-unsur tersebut telah menjadi sebahagian warisan budaya Melayu. Dalam tulisan ini pengarang telah mencontohkan beberapa unsur mitos dan legenda yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* adalah hasil asimilasi daripada tradisi mitos dan legenda India. Kajian ini mengemukakan bukti yang nyata tentang persamaan unsur mitos dan legenda dengan kitab agama Hindu. Sebagai contoh turunya putera Raja Suran di Bukit Seguntang dikaitkan dengan konsep *trimurti* iaitu tiga aspek ketuhanan menurut agama Hindu. Unsur persamaan ini membuktikan kesan adanya hubungan awal kebudayaan Alam Melayu dengan India.

Dari tinjauan di atas belum ada kajian yang lebih khusus dibuat untuk melihat kepada unsur-unsur pertentangan atau konflik dalam *Sulalat al-Salatin* sebagai satu strategi naratif pengarang dalam menyampaikan pengajaran kepada khalayak. Di

antara kajian yang lebih hampir kepada kajian ini ialah esei Abdul Rahman Haji Ismail (1993). Atas kekurangan ini maka penulis merasakan kajian perlu dilakukan.

1.6 Teori dan Metodologi

Kajian ini akan menggunakan kaedah menganalisis teks secara terperinci dan kritis terhadap peristiwa-peristiwa yang melibatkan konflik. Dalam menjalankan analisis ini, kajian ini juga akan menumpukan kepada watak-watak, aksi serta plot dan latar yang melibatkan dalam peristiwa pertentangan. Perbincangan seterusnya pula ditumpukan kepada kaedah atau strategi pengarang menyampaikan pengajaran melalui naratif dari konflik yang berlaku, seperti yang dipaparkan dalam karangannya. Selain daripada aksi watak, latar dan plot, kajian ini turut membincangkan tentang sebab-sebab berlakunya pertentangan serta watak yang terlibat. Unsur-unsur ini penting kerana melalui unsur ini barulah cerita dapat dikembangkan oleh pengarangnya.

Kajian ini juga akan melihat kepada pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada kahlayak dengan tidak menyentuh dan menimbulkan kemarahan golongan istana. Secara tidak langsung kita dapat lihat sifat kepengarangan Tun Seri Lanang dalam menyampaikan ketidaksetujuannya terhadap golongan istana melalui sindiran, seumpama menghela rambut dalam tepung. Untuk menjalankan kajian ini dengan sebaik mungkin penulis akan menggunakan kaedah perpustakaan. Melalui kaedah perpustakaan ini dapat membantu kelancaran kajian yang akan dijalankan.

Dalam menjalankan kajian ini juga, penulis akan menggunakan ilmu disiplin bantu dari bidang sosiologi. Ini disebabkan sastera dan sosiologi serta sains politik tidak dapat dipisahkan, sementelah disiplin ini mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat. Teori yang paling sesuai digunakan dari disiplin ini ialah 'Teori konflik' yang telah diperkenalkan oleh Karl Marx (1848), konflik yang berasaskan hubungan sosial dalam pengeluaran. Seterusnya ideologi ini diperluaskan oleh sarjana-sarjana yang lain, akan diperbincangkan khusus dalam Bab II.

Konflik adalah sinonim dengan pertentangan, menurut *Kamus Dewan* (1997:1412), pertentangan bermaksud perihal tindakan menentang, penolakan atau perlawanan, manakala konflik bermaksud perselisihan atau pertentangan antara individu, idea dan kepentingan. Teori konflik yang dipilih ini amat sesuai dengan kajian yang akan dijalankan. Sebabnya ialah karya tidak berada dalam kekosongan tetapi ianya dilahirkan dengan pelbagai makna, maka teori ini digunakan dalam mengkaji bagi pengajaran tersirat di sebalik konflik dalam *Sulalat al-Salatin*. Bagi menjelaskan lagi maksud teori konflik ini satu perbincangan khusus akan dilakukan dalam bab yang seterusnya.

1.7 Organisasi Tesis

Bab 1. Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan tentang pernyataan kajian, objektif kajian, skop, kepentingan kajian, signifikan kajian, teori dan metodologi kajian dan organisasi kajian

atau tesis. Bab ini juga memperbincangkan pendekatan dan teori yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini juga akan membincangkan tentang kerelevanan teori yang telah dipilih untuk diaplikasikan kepada kajian, serta kesesuaian dengan edisi *Sulalat al-Salatin* yang dipilih dalam kajian.

Bab 2. Teori Konflik Sosial

Bab ini akan membincangkan secara menyeluruh tentang teori konflik sosial yang telah dipilih untuk diaplikasikan dengan unsur konflik dalam *Sulalat al-Salatin*. Seterunya kajian ini akan membincangkan tentang maksud teori konflik, pengasas teori ini dan perkembangan teori konflik sosial dengan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan. Seterusnya kajian ini akan melihat bagaimana sesuatu konflik boleh berlaku dalam sesebuah masyarakat. Kajian ini juga akan membincangkan dari keselarian teori ini dengan bidang sastera dan budaya masyarakat Melayu, mengkategorikan konflik yang berlaku dalam *Sulalat al-Salatin* kepada konflik kelas, konflik etnik dan konflik 'gender'.

Bab 3. Konflik Kelas Dalam *Sulalat al-Salatin*

Bab ini akan membincangkan tentang konflik kelas yang terdapat dalam *Sulalat al-Salatin*. Perbincangan berkaitan pertentangan kelas yang telah berlaku ini akan dipecahkan kepada empat tajuk kecil, pertama, pertentangan dalam kelas yang sama antara kerajaan atau raja dengan raja, kedua, pertentangan antara kelas pembesar dengan raja, ketiga pertentangan antara pembesar dan akhirnya pertentangan antara kelas

pembesar/raja dengan rakyat. Membincangkan tentang sebab-sebab sesuatu konflik berlaku serta membincangkan tentang falsafah yang tersirat di sebalik konflik tersebut. Unsur-unsur pengajaran yang boleh dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan.

Bab 4. Konflik Kumpulan Etnik Dalam *Sulalat al-Salatin*

Bab ini memberikan tumpuan khusus kepada konflik antara kumpulan etnik yang berbeza. Bab ini juga membincangkan maksud etnik Melayu dan pengelasan etnik antara Melayu dengan bukan Melayu. Bab ini turut membincangkan tentang faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlakunya sesuatu konflik. Antara faktor yang menyebabkan konflik adalah untuk menegakkan maruah dan juga disebabkan oleh perasaan malu atau dimalukan. Disebabkan oleh dua faktor ini telah menimbulkan konflik antara kumpulan-kumpulan etnik. Perbincangan akan melibatkan pertentangan kerajaan Melayu dengan bukan Melayu, pertentangan Melayu dengan Portugis, pertentangan antara kerajaan-kerajaan pra bangsa Melayu dan pertentangan antara pesuruh raja Melayu dengan bukan Melayu. Seterunya bab ini juga membincangkan pengajaran yang boleh diambil dari konflik yang berlaku.

Bab 5. Konflik “Gender” Dalam *Sulalat al-Salatin*

Bab ini akan memperincikan maksud “gender”, membincangkan sebab pertentangan “gender” ini boleh berlaku dengan merujuk kepada watak yang terlibat, latar dan plot sehingga pertentangan ini boleh berlaku. Pertentangan ini dibahagikan kepada tiga subtopik, pertama, pertentangan terhadap keegoan lelaki, kedua,